

01 SEP 1998

RAFIDAH-SELBERAN/I

LANGKAH-LANGKAH DRASTIK TIDAK HALANG PELABURAN ASING JANGKA PANJANG

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Langkah-langkah drastik yang diumumkan oleh kerajaan hari ini tidak akan menyekat operasi sektor swasta dan menghalang pelabur asing jangka panjang yang memberikan keluwesan untuk mengekalkan akaun mata wang asing dan akaun luar, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau berkata syarikat-syarikat boleh terus mengendalikan akaun mata wang asing dengan bank-bank perdagangan yang dibiayai daripada eksport dan menggunakan hanya untuk membayar bagi import tanpa had.

Begitu juga, syarikat-syarikat boleh mengkredit ke dalam akaun mata wang asing, faedah dan dividen daripada syarikat-syarikat asing dan hasil daripada jualan aset asing.

Rafidah berkata penting bagi komuniti perniagaan dan orang ramai meletakkan sepenuh keyakinan terhadap usaha-usaha kerajaan untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi negara dan mempertahankan momentum pertumbuhan.

Beliau berkata demikia di majlis sambutan ke-25 tahun Selberan, pengeluar barang-barang kemas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan Bank Negara akan menyandarkan ringgit kepada kadar tetap "tidak lama lagi." Buat ketika ini, bagaimanapun, kadar itu akan ditentukan oleh kuasa pasaran, katanya.

Mengenai dagangan barang-barang kemas, Rafidah berkata Malaysia kini sedang muncul sebagai pusat pengeluaran dan dagangan barang kemas dan emas yang utama.

Nilai jualan (kilang lama) barang kemas dan barangan berkaitan berjumlah RM714.4 juta pada 1996, RM69 juta pada 1997, dan RM231 juta antara Januari dan Mei 1998.

Bagi eksport pula, Malaysia mengeksport produk barang kemas bernilai RM1.776 bilion antara Januari 1997 hingga Jun 1998. Destinasi eksport utama adalah Singapura, Emiriah Arab Bersatu, Hong Kong, Arab Saudi dan Amerika Syarikat.

-- BERNAMA

SHO FR ZK OS